

# FENAFEX TABLET®

Fexofenadine Hydrochloride (60mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Fenafex
2. Bagaimana Fenafex berfungsi
3. Sebelum menggunakan Fenafex
4. Cara menggunakan Fenafex
5. Semasa menggunakan Fenafex
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Fenafex
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Fenafex

Fenafex digunakan dalam kalangan orang dewasa dan kanak-kanak yang berumur 12 tahun dan ke atas untuk melegakan simptom yang berkaitan dengan:

- Inflamasi alahan saluran pernafasan hidung (alahan rinitis) seperti hidung berair, bersin, hidung/lelangit/tekak gatal, dan mata gatal, berair, merah
- Reaksi alahan kulit jangka masa panjang (urtikaria idiopatik kronik).

## Bagaimana Fenafex berfungsi

Ia berfungsi dengan menghalang bahan semulajadi tertentu (histamin) yang dibuat oleh tubuh anda semasa reaksi alergi.

## Sebelum menggunakan Fenafex

### - Bila tidak boleh menggunakan

- Mengalami alahan terhadap fexofenadine atau bahan-bahan lain yang terdapat dalam ubat ini.

### - Sebelum mula menggunakan Fenafex

Maklumkan kepada doktor anda, jika anda:

- Mempunyai penyakit buah pinggang atau hati
- warga tua
- Guna pada kanak-kanak yang berumur kurang daripada 6 tahun
- Sedang mengandung
- Sedang menyusui

Sekiranya anda tidak pasti sama ada anda perlu mula mengambil produk ini, dapatkan keterangan lanjut daripada doktor anda.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan kepada doktor anda sekiranya anda sedang mengambil ubat lain, termasuk ubatan yang didapatkan tanpa preskripsi. Anda mungkin perlu mengubah dos anda

atau mengambil ubat lain. Doktor anda akan memberikan cadangan. Anda mesti maklumkan kepada doktor anda sekiranya anda mengambil ubat-ubat yang berikut:

- Antacid yang mengandungi aluminium dan magnesium hydroxides (digunakan untuk meneutralkan keasidan perut)
- Erythromycin (antibiotik)
- Ketoconazole (untuk merawat jangkitan kulat)

### - Semasa mengandung dan menyusui bayi

Fexofenadine hanya boleh digunakan, apabila pada pendapat doktor, potensi kebaikan melebihi potensi risiko kepada janin dan ibu.

Terfenadine didapati dikesan dalam susu ibu. Oleh itu, fexofenadine tidak digalakkan untuk digunakan semasa penyusuan susu ibu.

## Cara menggunakan Fenafex

Sentiasa mengambil Fenafex seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Sekiranya anda tidak pasti, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

### - Berapa banyak harus digunakan

Dewasa dan kanak-kanak (melebihi umur 12 tahun)

Inflamasi alahan saluran pernafasan hidung:  
2 tablet (120mg) sekali sehari, sebagai dos tunggal atau dibahagikan kepada dua dos.

### Reaksi alahan kulit jangka masa panjang:

3 tablet (180mg) sekali sehari.

### Masalah buah pinggang:

1 tablet (60mg) sekali sehari.

### Warga tua atau orang yang mengalami

#### masalah hati:

Tiada pelarasan dos diperlukan.

### - Bila perlu digunakan

Ambil ubat anda pada masa yang sama setiap hari.

### - Berapa lama perlu digunakan

Sila ambil ubat anda seperti yang diarah oleh doktor anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan pening, mengantuk dan mulut kering.

## Semasa menggunakan Fenafex

### - Perkara yang perlu dilakukan

- Patuhi arahan doktor atau ahli farmasi anda ketika menggunakan Fenafex. Jika anda tidak pasti, rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda.
- Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda dengan segera sekiranya anda perasan sebarang kesan sampingan atau kesan sampingan menjadi serius atau apa-apa yang menyebabkan anda berasa tidak sihat.
- Jika anda hamil atau merancang untuk hamil semasa menggunakan Fenafex, maklumkan kepada doktor anda.
- Jika anda merancang untuk mengambil ubat baru, ingatkan doktor dan ahli farmasi anda yang anda sedang mengambil Fenafex.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan mengambil Fenafex selepas tarikh luput yang dinyatakan pada strip/botol dan kotak tersebut.
- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan berkongsi Fenafex dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

- Memandu dan menggunakan mesin: Fenafex tidak menjejaskan keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan mesin. Walaubagaimanapun, adalah dinasihatkan untuk mengenalpasti respon individu sebelum memandu atau mengendalikan kerja-kerja rumit.

---

### **Kesan-kesan sampingan**

Seperti produk lain, Fenafex boleh mendatangkan kesan sampingan kepada sesetengah orang terutamanya pada permulaan pengambilan walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Maklumkan kepada doktor anda sekiranya anda mempunyai simptom seperti:

- Mengantuk, sakit kepala, loya, dan keletihan

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi jika terdapat kesan sampingan lain yang tidak dinyatakan di sini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public* → *Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*)

### **Cara penyimpanan dan pelupusan**

#### **Fenafex**

##### - Penyimpanan

Simpan di tempat yang dingin dan kering pada suhu bawah 30°C dan lindungi dari cahaya.

Jauhi daripada kanak-kanak.

##### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

### **Maklumat lanjut**

#### - Rupa dan warna produk

Fenafex adalah tablet bujur dwicembung berwarna oren disaluti filem dan dicetak timbul dengan "T20" pada satu permukaan dan garis tengah pada permukaan satu lagi.

#### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan Aktif

Setiap tablet mengandungi 60mg Fexofenadine hydrochloride.

- Bahan tidak aktif

Microcrystalline cellulose, starch, croscarmellose sodium, sodium lauryl sulfate, sodium starch glycolate, colloidal silicon dioxide, magnesium stearate, hypromellose E5 & E15, methylene chloride, titanium dioxide, talc, PEG 6000, erythrosine

lake & sunset yellow (colouring), dimethicone.

#### - Bungkus

Fenafex tablet dibungkus dalam botol plastik amber untuk 60, 100 atau 500 tablets dan strip aluminium untuk 10, 30, 50 atau 100 tablets.

#### - Nombor MAL

MAL06091403AZ

### **Pengilang**

Sriprasit Pharma Co. Ltd.,  
619 Charoen Rath Road,  
Klongsarn, Bangkok,  
10600 Thailand.

### **Pemegang Pendaftaran Produk**

IMEKS Pharma Sdn. Bhd.  
No. 5 & 9, Jalan Udang Harimau 2,  
Medan Niaga Kepong,  
51200 Kuala Lumpur, Malaysia.

### **Tarikh kemaskini RiMUP**

16/10/2017

### **Nombor siri**

NPRA(R4/1)111017/00269